

NO. SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7199

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar terdapat pihak-pihak yang memalsukan nama pertubuhan kakitangan Kerajaan untuk menipu peniaga-peniaga menghulurkan derma, bilangan kes aduan tersebut yang telah dilaporkan kepada pihak polis serta bilangan kes yang telah diambil tindakan undang-undang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat sedar ada pihak-pihak yang memalsukan nama pertubuhan kakitangan Kerajaan untuk menipu peniaga-peniaga untuk menghulurkan derma.

Sepanjang tahun 2014 (Januari - Ogos) pihak polis telah menerima (6) laporan polis oleh peniaga-peniaga yang mendakwa ditipu oleh pihak yang berkenaan. Kertas siasatan dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Kesiksaan (Tipu) oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil dan semua kes tersebut dilaporkan berlaku pada bulan Februari dan Mac 2014. Enam laporan polis tersebut terdiri daripada dua di Selangor, satu masing-masing di Melaka, Kelantan, Perlis dan Pulau Pinang.

Sehingga kini dua kes masih lagi dalam siasatan dan empat kes telah dituduh di mahkamah mengikut pecahan seperti berikut:

- i. Selangor – 2 kes dituduh di bawah Seksyen 419 Kanun Kesiksaan (Menyamar bagi tujuan melakukan Penipuan).**
- ii. Pulau Pinang – 1 kes di bawah Seksyen 170 Kanun Kesiksaan (Menyamar sebagai Penjawat Awam).**

iii. Perlis – 1 kes dituduh Seksyen 420 Kanun Kesiksaan (Tipu).

Kesemua suspek diberi jaminan mahkamah, selepas tangkapan ke atas suspek-suspek ini, tiada sebarang laporan polis mengenai kejadian seumpama dilaporkan sehingga kini.